

DATE: 3/12/2010

BN FILIH 34A 3 (emel)

Rantau Asia kembali jadi penggerak ekonomi dunia

BH 3-12-2010

Malaysia boleh bantu tingkat hubungan perdagangan: PM

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

DATUK Seri Najib Razak berkata, rantau Asia berada pada landasan kukuh untuk kembali menjadi penggerak utama ekonomi dunia selain memainkan peranan penting dalam meningkatkan hubungan perdagangan rentas benua.

Perdana Menteri berkata, ini berdasarkan kepada pelbagai perangkaan serta fakta yang menunjukkan rantau ini berada pada kedudukan kukuh untuk terus berkembang.

Beliau mengambil contoh perangkaan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ekonomi negara rantau ini, diketuai China dan India akan berkembang pesat pada kadar 6.4 peratus pada 2011, jauh meninggalkan ekonomi negara perindustrian yang diunjurkan berkembang pada

kadar 2.2 peratus.

"Ini serta angka tunjuk lain, menunjukkan bahawa walaupun menghadapi krisis ekonomi dunia baru-baru ini, ekonomi Asia mencatat pertumbuhan baik, selain terdapat peningkatan dagangan dan pelaburan sesama negara Asia," katanya dalam ucapan pada Forum Perniagaan Antarabangsa China di Kuala Lumpur, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Najib berkata, hubungan budaya dan ekonomi yang diwujudkan keturunan China merentas Asia Tenggara serta Asia Timur menjadi komponen penting dalam menghubungkan masyarakat Cina serantau.

Justeru, Perdana menteri berkata, Malaysia berada pada kedudukan baik untuk dijadikan titik penghubung dalam mengukuhkan hubungan di

“Walaupun menghadapi krisis ekonomi dunia baru-baru ini, ekonomi Asia mencatat pertumbuhan baik, selain peningkatan dagangan sesama negara Asia”

Najib Razak
Perdana Menteri

kalangan keturunan China di rantau ini, sekali gus meraih manfaat daripada aspek perdagangan untuk jangka panjang.

"Dasar perdagangan terbuka, persekitaran mesra perniagaan dan kerjasama padu Malaysia pelbagai kerajaan adalah sebahagian daripada sebab kenapa Malaysia boleh

membantu mengembangkan ekonomi, perniagaan, dan mengeratkan lagi perhubungan antara negara," katanya.

Bagi Malaysia, Najib berkata, hubungan dagangannya dengan negara Asia berkembang pesat, dengan perdagangan dua hala dengan China, Hong Kong, Taiwan dan Singapura mencecah AS\$92.6 bilion, mewakili 33 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia, katanya.

Beliau berkata, bagi tempoh sembilan bulan pertama 2010 perdagangan Malaysia dengan ekonomi berkenaan berkembang 36 peratus berbanding tempoh sama pada 2009.

Selain meningkatkan perdagangan, Perdana Menteri berkata, pelaburan dari Singapura, Taiwan, China dan Hong Kong ke Malaysia turut meningkat.

"Kami yakin pengumuman baru-baru ini seperti perakuan China terhadap Malaysia sebagai destinasi pelabur institusi yang diluluskan, selain pembukaan cawangan baru bank serantau di negara ini, akan memudahkan dan mengukuhkan pelaburan ini," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, projek baru Program Transformasi Ekonomi yang diumumkan setiap bulan, akan menyemarakkan lagi minat pelabur.